



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SOARING
UPWARDS
MALAYSIAN HIGHER EDUCATION

TEKS UCAPAN

Amanat NAIB CANSOLOR 2017



UMS
MENGOPTIMUM
SUMBER

7 Mac 2017 | 8.30 pagi
Kompleks Dewan Kuliah Pusat Ke-2

Salutasi

1. Ahli Lembaga Pengarah Universiti
2. Pegawai-pegawai Utama dan Kanan
3. Ahli-ahli Senat
4. Dekan-dekan Fakulti
5. Pengarah-pengarah Institut dan Pusat
6. Ketua-ketua Jabatan, Bahagian dan Unit
7. Para pensyarah
8. Para Pegawai Pengurusan dan Kakitangan Pentadbiran
9. Majlis Perwakilan Pelajar
10. Para pelajar yang dikasihi
11. Sahabat Media UMS
12. Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh...

Salam Sejahtera, Salam 1Malaysia dan Salam EcoCampus kepada semua warga UMS yang saya kasihi.

MUKADIMAH

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah SWT kerana dengan izin-Nya, kita dianugerahkan kesihatan yang baik dan kelapangan masa untuk hadir ke majlis Amanat Naib Canselor bagi tahun 2017 pada pagi yang berbahagia ini. Harapan saya, majlis ini dapat dijadikan pemangkin usaha kita yang lebih giat dan berfokus bagi menggapai kecemerlangan yang lebih baik pada tahun ini.

Fokus amanat kali ini ialah “UMS Mengoptimum Sumber” yakni menggunakan sumber sedia ada bagi melestarikan pengurusan dan perkhidmatan UMS dalam mengharungi cabaran yang sedang dan akan kita lalui bersama. Semua sudah sedia maklum, peruntukan belanja mengurus UMS bagi tahun 2017 telah dikurangkan dan akan memberikan cabaran besar terhadap pembangunan fizikal yang kita rancang. Namun begitu, saya percaya kita akan menghadapi cabaran ini dengan lebih kreatif menerusi penjimatan dan penjanaan kewangan sendiri dengan apa sahaja sumber kita yang telah tersedia ada bagi mengurus tadbir dan memantapkan perkhidmatan. Justeru, dalam hal ini, kita akan teruskan perjuangan bersama-sama untuk meningkatkan lagi penyelidikan, inovasi, pengajaran dan pembelajaran.

Tuan-tuan, Puan-puan, rakan seperjuangan dan para pelajar yang saya kasihi sekalian

Setiap kejayaan, sekiranya tidak diuar-uarkan sekadar menjadi satu catatan untuk disimpan. Sebaliknya, hebahan kejayaan yang dibanggakan, dikongsi dengan khalayak umum tentunya membutirkan inspirasi untuk kita terus berkongsi dengan yang lain agar ia memotivasikan kita semua warga UMS untuk terus berusaha menuju kejayaan. Ditanam cita-cita, tetapi tidak berusaha, itulah malas. Ada cita-cita dan ada usaha, itulah yang terbaik. Apabila dikaitkan kedua-duanya, tanpa sedar kita berjaya melaksanakan apa yang dirancang selaras dengan kerjasama dan kegigihan untuk membawa nama UMS melekat di fikiran. Kejayaan akan datang dari orang yang berfikir secara luar biasa. Apa yang penting, lakukan dengan cara kita, visi kita dan misi kita sehingga orang melihat apa yang kita buat dan capai.

Tahun 2016 berjaya dilalui dengan penuh berhemah walaupun berdepan dengan pelbagai halangan. Seseekali, pandanglah juga ke belakang kerana ia akan mengukur langkah dan ketepatan arah tuju kita. Berjalanlah ke hadapan, sama-samalah merentas halangan kerana di situlah warna-warni kehidupan. Banyak peningkatan yang telah direalisasikan bersama-sama. Arah dan tujuan kita tetap sama.

Bukanlah saya bermaksud untuk mendabik dada dan bermegah dengan kejayaan demi kejayaan yang kita capai setakat ini. Kita tidak perlu leka, bahkan kita harus refleksi kembali dan memberi respons dengan kekurangan yang berlaku. Tambah baik segala kelemahan, perbaiki usaha dengan amalan pengurusan cemerlang, optimumkan apa yang tersedia ada dan sama-samalah kita menuju puncak gemilang.


Untuk itu, izinkan saya menitipkan penghargaan dan ucapan tahniah kepada beberapa kejayaan dan pencapaian cemerlang warga UMS sepanjang tahun 2016 iaitu:

1. Penerima Anugerah Buku Perhutanan Terbaik sempena majlis Anugerah Buku Negara 2016 iaitu Dr. Liew Kang Chiang, Shirley M. Bakansing dan Azli Sulid dari Fakulti Sains dan Sumber Alam dengan buku mereka, *"Wood Species of Sabah: An Illustrated Guide"*.
2. Pasukan futsal wanita UMS yang mempertahankan kejuaraan selama 3 tahun berturut-turut di Kejohanan Sukan Staf Universiti Malaysia kali ke-41.
3. Kontinjen UMS yang mendapat enam (6) emas, lima (5) perak dan 12 gangsa di Sukan Institusi Pendidikan Tinggi (SUKIPT).
4. Para penyelidik UMS yang memenangi 24 pingat di pameran penyelidikan peringkat kebangsaan dan antarabangsa.
5. Siti Nurzulaiha Lailee, pemenang pertandingan *"Young Humanitarian Writers Competition"* anjuran International Committee of the Red Cross (ICRC) dan National Press Club Malaysia.

6. Dr. Awangku Hassanal Bahar Pengiran Bagul, Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan (FPEP), penerima anugerah *The Golden Globe Tigers*: Anugerah Kepimpinan Kecemerlangan dalam Inovasi Sosial daripada Gabungan Perniagaan Asia serta dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Penasihat *The International Sustainable Campus Network* (ISCN) selama dua tahun bermula bulan Jun 2016.
7. Para penyelidik Institut Penyelidikan Bioteknologi (IPB) berjaya memecahkan kod genetik bagi varieti nanas MD-2 dan Babagon yang pertama di dunia.
8. Dr. Annita Yong Seok Kian dan pasukan penyelidikannya dari Institut Penyelidikan Marin Borneo (IPMB) berjaya menghasilkan bibit ketam bakau.
9. Chaw Vi Vian, pelajar FSSA menerima anugerah Kelestarian Hutan Freezailah.

Ini merupakan antara kejayaan dan sumbangan besar yang telah diberikan oleh mereka bagi memacu kecemerlangan dalam pelbagai bidang terhadap UMS dan saya sangat berbangga dengan kejayaan ini.

Selain itu, peningkatan enrolmen pelajar antarabangsa dan kerjasama dengan agensi-agensi luar negara yang diaktifkan Pusat Hal Ehwal Pelajar Antarabangsa turut diiktiraf oleh KPT apabila memenangi *Special Award: International Students Office Achievement Award*. Enrolmen pelajar antarabangsa pada tahun 2016 adalah seramai 627 berbanding 530 pada tahun sebelumnya dan saya yakin, bilangan ini akan terus meningkat dari setahun ke setahun. Peningkatan ini juga turut didorong oleh aktiviti pengantarabangsaan melalui kerjasama strategik seperti dengan Heilongjiang Academy of Science, China; Kindai University, Japan; Kementerian Pendidikan serta Kementerian Petroleum dan Sumber Mineral Republik Timor-Leste; Zunyi Medical University, China dan beberapa agensi luar negara lain serta promosi-promosi akademik berterusan.



Satu lagi kejayaan di peringkat antarabangsa yang dicapai UMS ialah penglibatan dalam *President's Forum of Southeast, South Asia dan Taiwan Universities (SATU President's Forum)*. UMS telah dilantik menjadi ahli jawatankuasa pemandu SATU bagi tahun 2017-2018 yang diurusetikan oleh National Cheng Kung University, Taiwan. Penglibatan UMS dalam SATU akan dapat melonjakkan keterlihatan dan reputasi di rantau ini.



Di samping itu, kejayaan UMS mendapat penarafan 5 bintang Pengurusan Rekod Terbaik dalam kalangan Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) membuktikan urus tadbir universiti diiktiraf.



Tuan-tuan, Puan-puan, rakan seperjuangan dan para pelajar yang saya kasihi sekalian

(Imbauan Kecemerlangan EcoCampus)

Berdasarkan Pelan Tindakan EcoCampus 2013-2017, UMS komited untuk menjadi sebuah universiti yang cemerlang dalam pengajaran dan penyelidikan serta bersifat inovatif, relevan dan mampan dalam membangunkan EcoCampus yang menggabungkan pertimbangan terhadap alam sekitar dalam perancangan dan aktiviti. Sebanyak lima (5) nilai teras pelan transformasi EcoCampus diwujudkan iaitu pembangunan mampan, perlindungan ekologi, pengawasan alam sekitar, keserasian alam sekitar dan pemuliharaan sumber dengan enam (6) elemen utama iaitu perubahan minda, pembangunan infrastruktur, pengajaran dan pembelajaran, tema penyelidikan, pengurusan dan praktis operasi.

Faedah yang diperoleh daripada nilai-nilai dan elemen-elemen yang saya nyatakan tadi adalah memperkukuhkan kesedaran alam sekitar, membolehkan perubahan sosial melalui tindakan, mengekalkan sumber asli dan gaya hidup sihat, memupuk kepemimpinan terhadap alam sekitar, mengekalkan penjanaan pendapatan melalui simpanan dan kesan hiliran, menyesuaikan diri dengan perubahan iklim dan mencapai pengiktirafan antarabangsa.

Semua yang saya nyatakan ini dilaksanakan mengikut perancangan menerusi kesatuan dan kerjasama semua pihak di UMS. Banyak pencapaian membanggakan yang diperoleh UMS dan saya percaya, sedikit masa lagi kita akan mencapai status universiti EcoCampus sepenuhnya, insya-Allah.

Pada 3 Ogos 2016, UMS-EcoCampus Visitor Information Centre atau lebih dikenali sebagai UMS-EVIC dilancar dan dirasmikan oleh Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Masidi Manjun, Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar Sabah yang berfungsi sebagai pusat setempat (*one-stop-centre*) untuk segala aktiviti pelancongan dalam UMS.




UMS-EVIC menempatkan kaunter maklumat pelancongan, galeri dan pusat penerangan pelancong, sistem tiket berpusat, kedai cenderahati serta kedai makanan dan minuman ringan. Kemudahan ini tentunya akan memberi keselesaan maksimum kepada para pelawat UMS.

Pada tahun 2016, ranking UMS dalam penilaian *UI GreenMetric World University Ranking* iaitu inisiatif penarafan kampus mesra alam telah meningkat secara mendadak sebanyak 129 anak tangga dan tersenarai pada kedudukan ke-44 dunia berbanding di kedudukan 173 pada tahun 2015. Bagi kedudukan ranking di rantau Asia, UMS di kedudukan ke-6 berbanding tahun 2015 iaitu di kedudukan ke-66; dan ke-2 bagi kedudukan dalam kalangan semua Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia, berbanding di kedudukan ke-7 pada tahun 2015.



Bagi terus mendukung usaha melestarikan alam sekitar dalam kampus serta komited kepada usaha-usaha mengurangkan kesan kepada perubahan iklim, Pusat Pengurusan EcoCampus telah bekerjasama dengan Jabatan Pembangunan dan Penyelenggaraan (JPP) untuk meningkatkan keberkesanan penggunaan dan penjimatan elektrik dan air di dalam kampus.



Pada tahun 2015, penggunaan utiliti elektrik sehingga bulan Disember adalah sebanyak 34,978,990 kWh dan pada tahun 2016 sebanyak 34,005,150 kWh yang menunjukkan penurunan sebanyak 2.78% berbanding pada tahun 2015 iaitu penurunan sebanyak 0.26%. Usaha-usaha yang dilakukan dan dilaksanakan oleh JPP adalah:

- i. Pemasangan Lampu LED di Fakulti Psikologi dan Pendidikan, (Blok Pendidikan), UMS.



- ii. Pemasangan Lampu Spotlight Induction di Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan, Perpustakaan, dan Institut Penyelidikan Marin Borneo.



- iii. Pemasangan Panel Solar di bumbung perhentian bas Fakulti Kejuruteraan, Perpustakaan, Kolej Kediaman Tun Fuad, Dewan Kuliah Pusat 1 dan Kompleks Dewan Kuliah Pusat ke-2.



Selari dengan tujuan UMS untuk mencapai status EcoCampus, Pusat Pengurusan EcoCampus kini dalam proses untuk mendapatkan Pensijilan MS ISO 14001:2015 (Sistem Pengurusan Alam Sekitar) yang dijangka akan dicapai pada bulan Jun 2017. Bagi tujuan ini, Fakulti Kejuruteraan, Bangunan Canselori dan Pusat Pengurusan EcoCampus telah dipilih dalam pensijilan ini.

Pada tahun ini, Pusat Kitar Semula yang terletak di Fakulti Kejuruteraan akan diperbaiki dan diubah suai untuk dijadikan sebagai pusat pengurusan sisa dan kitar semula bahan-bahan buangan seperti kertas, botol plastik dan tin. Pusat ini sangat penting bagi merealisasikan kelestarian kampus dan selari dengan kehendak pensijilan MS ISO14001:2015. Di samping itu, pusat ini juga akan menjadi pusat rujukan dan pembelajaran bagi pelajar-pelajar yang terlibat dalam subjek pengurusan sisa.

Bagi meneruskan komitmen dalam isu perubahan iklim dan hubungannya dengan pembebasan karbon melalui penggunaan tenaga yang berasaskan fosil, Pusat Pengurusan EcoCampus menyahut saranan Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) untuk menjalankan audit tenaga di UMS. Pada tahun ini, Pusat Pengurusan EcoCampus telah memohon geran audit tenaga bersyarat untuk bangunan komersial di bawah RMK-11 yang akan membantu untuk mengenal pasti pembaziran tenaga atau penggunaan tenaga yang tidak cekap dalam UMS dan seterusnya menyediakan cadangan atau kaedah penggunaan tenaga yang lebih cekap pada penjimatan elektrik. Cadangan pengauditan tenaga yang pertama adalah di bangunan Perpustakaan dan Fakulti Kejuruteraan.



Untuk memantapkan dan mempergiatkan lagi aktiviti pelancongan di UMS dan dalam usaha meletakkan UMS dalam peta pelancongan di Negeri Sabah dan Malaysia secara amnya, UMS akan bekerjasama dengan Lembaga Pelancongan Sabah, Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar Negeri Sabah, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia, dan agen-agen pelancong untuk mempromosikan UMS sebagai antara tarikan pelancong utama di Negeri Sabah. Aktiviti pelancongan dalam kampus ini dijangkakan akan menjadi sumber penting bagi penjana UMS.



Untuk memupuk budaya EcoCampus yang berterusan dalam UMS, Pusat Pengurusan EcoCampus bersama dengan jawatankuasa di bawahnya akan mengadakan jerayawara (*road show*) ke JFPIU untuk memberi taklimat tentang budaya EcoCampus dalam pejabat mahupun persekitaran luar pejabat. Interaksi seperti ini akan memberikan maklum balas kepada Pusat

Pengurusan EcoCampus sejauhmana budaya ini dipraktikkan di JFPIU dan juga untuk penambahbaikan pada masa hadapan.

Tuan-tuan, Puan-puan, rakan seperjuangan dan para pelajar yang saya kasihi sekalian

(Memperkasa Penyelidikan UMS)

Sepanjang tahun 2016, UMS telah menerima sebanyak RM4,461,555.33 bagi membiayai 46 projek penyelidikan yang diperoleh di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa. Daripada jumlah berkenaan, 37 projek penyelidikan berjumlah RM2,696,234.00 diperoleh di peringkat kebangsaan iaitu dari Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Yayasan Penyelidikan Antartika Sultan Mizan, Jabatan Perdana Menteri, dan lain-lain. Manakala sebanyak 9 projek penyelidikan berjumlah RM1,206,488.33 diperoleh di peringkat antarabangsa, iaitu dari negara Jepun, Korea, Switzerland dan lain-lain.

Bagi menggalakkan lagi penyelidikan asas dan gunaan untuk menjana ilmu yang mampu menyumbang terhadap peningkatan tahap intelektual, penciptaan teknologi baharu dan penyuburan budaya yang dinamik selaras dengan aspirasi negara, UMS juga telah memperuntukkan sebanyak RM2,364,400.00 untuk membiayai 94 projek penyelidikan UMS yang disalurkan di bawah Skim Penyelidikan Bidang Keutamaan (SPBK), Skim Pensyarah Lantikan Baru (SPLB), Skim Geran Inovasi (SGI), Skim Geran Penyelidikan UMS-Top Down (STD) dan Skim Geran Insentif PhD (SGPhD).

Salah satu usaha meningkatkan hasil penerbitan dalam kalangan pelajar pascasiswazah sekali gus menyuburkan budaya penyelidikan dalam kalangan warga UMS, UMS telah memperuntukkan sebanyak RM2 juta di bawah Skim Geran Bantuan Penyelidikan Pascasiswazah (UMSGreat). Daripada peruntukan tersebut, RM1 juta telah disalurkan untuk menampung sebanyak 93 projek penyelidikan pada tahun 2016 dan selebihnya akan disalurkan pada tahun 2017.

Menyedari bahawa pentingnya UMS sebagai institusi pendidikan tinggi yang menjadi rujukan berkaitan penyelidikan Borneo, maka ilham untuk menjalinkan kerjasama dengan Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) telah dilaksanakan. UMS telah memeterai perjanjian kerjasama dengan UNIMAS untuk projek penyelidikan berkaitan Borneo dengan nilai geran berjumlah RM500,000.00.



Hasil pencapaian yang meningkat dalam *Malaysia Research Assessment* (MyRA), pihak KPT telah menyalurkan sejumlah dana untuk menyuburkan lagi budaya penyelidikan di UMS. Daripada dana tersebut, Universiti telah memperuntukkan sebanyak RM1 juta di bawah Geran Kolaborasi Penyelidikan Dengan Institusi Luar untuk menampung sebanyak 10 jenis kerjasama iaitu masing-masing 4 jenis kerjasama di peringkat kebangsaan dan 6 jenis kerjasama di peringkat antarabangsa meliputi negara Jepun, United Kingdom dan Indonesia.





Dengan adanya Geran Kolaborasi Penyelidikan ini, diharap dapat meningkatkan lagi jumlah dan kualiti penyelidikan selain meningkatkan peluang menghasilkan penerbitan berimpak tinggi dan keterlihatan UMS di peringkat antarabangsa.

Di samping itu, bagi menggalakkan penyelidik menerbitkan artikel dalam jurnal berindeks, universiti melalui dana MyRA telah memperuntukkan sebanyak RM100,000.00 untuk menampung yuran penerbitan dalam jurnal berindeks seperti Scopus dan ISI. Bantuan seumpama ini seharusnya dimanfaatkan dengan sebaiknya.

Menyedari betapa pentingnya perlindungan harta intelek bagi setiap produk yang dihasilkan melalui penyelidikan, UMS telah merekodkan sebanyak 16 produk telah dilindungi iaitu merangkumi Pemfailan Paten – Kebangsaan (4 produk), Utiliti Inovasi (1 produk), Cap Dagangan (8 produk) dan Hak Cipta – *Notification of Works* (3 produk).

Sepanjang tahun 2016, UMS telah berjaya mengkomersialkan tiga (3) teknologi iaitu LAMB *Biomass Dryer*, Garoupa-1 dan Garoupa-2. Bagi teknologi LAMB *Biomass Dryer* yang diinovasikan oleh Dr. Jidon @ Adrian Janaun, ia telah dilesenkan kepada Syarikat Villaco Sdn. Bhd. dengan yuran pelesenan sebanyak RM80,000 bagi tempoh 5 tahun.



Manakala teknologi Garoupa-1 dan Garoupa-2 yang diinovasikan oleh Prof. Dr. Rossita Shapawi telah dikomersialkan melalui jualan terus kepada Syarikat Adabi Consumer Industries Sdn. Bhd. dengan jumlah RM30,000.00. Selain itu, produk-produk UMS seperti Garuma, Sabah Sea VG dan Alife juga telah dilancarkan untuk dipasarkan.





Dengan usaha dan inisiatif ini, kita telah meningkatkan bilangan Ketua Penyelidik di UMS, meningkatkan bilangan penerbitan dalam jurnal berindek (Scopus/ISI), meningkatkan bilangan pelajar pascasiswazah dan penajaan hasil daripada produk penyelidikan UMS sekali gus menyumbang kepada peningkatan pencapaian MyRA.

Aktiviti prapengkomersialan dan pengkomersialan akan digiatkan lagi dengan penglibatan beberapa agensi luar secara aktif dalam proses penilaian produk UMS. Antara agensi ini adalah Platcom Ventures, Biotech Corp dan Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO).

PENINGKATAN

Memperkasakan Penyelidikan UMS

- Bilangan Ketua Penyelidik
- Penerbitan dalam jurnal berindek (Scopus/ISI)
- Bilangan pelajar pascasiswazah
- Penajaan hasil daripada produk penyelidikan
- Pencapaian MyRA

Strategi Peningkatan Kualiti Penyelidikan dan Peningkatan Skor Myra

Untuk memantapkan kedudukan skor MyRA, beberapa sasaran berikut perlu diberi penumpuan dan keutamaan oleh pihak pengurusan dan staf akademik, iaitu:

1. Mensasarkan sekurang-kurangnya 50% (500) staf akademik menjadi ketua penyelidik. Pada tahun 2016 hanya 362 staf akademik menjadi ketua penyelidik.
2. Bagi menggalakkan lagi penerbitan jurnal berindeks (Scopus/ISI), pensyarah yang menerbit akan diberikan keutamaan untuk menghadiri persidangan luar negara dengan pembiayaan dari universiti.
3. Untuk meningkatkan lagi potensi pengkomersialan produk-produk penyelidikan UMS, skop pemberian dana Skim Geran Inovasi UMS (SGI) akan diperluaskan sebagai pinjaman atau modal awal perniagaan. Setakat ini, dana SGI menyumbang dalam penambahbaikan dan membiayai kajian kebolehpasaran produk inovasi UMS.
4. Mensasarkan makmal Unit Penyelidikan Air di Fakulti Sains Sumber Alam (FSSA) mendapat akreditasi bagi membolehkan makmal ini menjadi rujukan dan latihan khususnya berkaitan dengan penyelidikan air sama ada di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa yang menyumbang kepada penjanaan pendapatan universiti.



5. Mewujudkan perkhidmatan pengurusan penyelidikan yang lebih baik dengan memperkasa proses sedia ada, polisi dan garis panduan agar lebih relevan dengan perkembangan semasa serta memastikan pengurusan penyelidikan atas talian.
6. Mempertingkatkan lagi aktiviti *Translational Research*, iaitu hasil-hasil penyelidikan ini akan diterjemahkan kepada "*business and value*".


Tuan-tuan, Puan-puan, rakan seperjuangan dan para pelajar yang saya kasihi sekalian

(Melahirkan Insan Berpendidikan Tinggi)


Pendidikan lanjutan di peringkat pascasiswazah merupakan nadi pembangunan dan perkembangan ilmu secara formal dalam konteks pembinaan tamadun manusia dalam era moden. Di kebanyakan negara ia merupakan tulang belakang pembangunan dan pembinaan negara bangsa, khususnya dalam konteks teknologi, inovasi dan idea baru dalam masyarakat. Sebagai teras *knowledge advancement* dalam setiap bidang kepakaran ilmu yang ditawarkan di UMS, bidang kritikal akan diberi tumpuan seiring dengan misi UMS dan agenda pembangunan negara. Bukan sahaja bidang yang ada nilai pasaran (*marketability*) diberi tumpuan, bidang yang kritikal kepada keperluan strategik negara serta bidang bersesuaian dengan kelebihan bandingan (*competitive advantage*) juga diberi perhatian.

Umpamanya, peluang sektor pertanian, potensi industri pelancongan, kelebihan sumber asli, minyak dan gas, kekayaan biodiversiti dan lain-lainnya akan berterusan menjadi tema dan teras pengajian pascasiswazah di UMS.

Sepanjang tahun 2016, UMS telah merekodkan enrolmen keseluruhan 2,474 pelajar pascasiswazah, menurun 9% (229 pelajar) berbanding tahun 2015 sebanyak 2,703 pelajar. Tren menurun ini juga dialami oleh IPT lain di Malaysia yang dipengaruhi sebahagian besarnya oleh tekanan ekonomi dan keterbatasan akses kepada sumber kemudahan pembiayaan dan bantuan kewangan. Namun begitu, peningkatan 10% enrolmen pelajar PhD (682 pelajar) berbanding tahun 2015 (620 pelajar) memberikan gambaran positif mengenai cabaran dan potensi yang ada untuk UMS terokai.




Lantaran itu, aspek kualiti, penyampaian, profesionalisme serta infrastruktur dan infostruktur akan terus diberi tumpuan agresif pada tahun 2017 untuk meningkatkan bilangan enrolmen pelajar pascasiswazah. Enrolmen pelajar pascasiswazah antarabangsa tahun 2016 adalah 98 orang. Seramai 682 pelajar pascasiswazah telah bergraduasi pada tahun 2016 dengan masing-masing 50 graduan PhD, 139 sarjana penyelidikan, dan 493 sarjana kerja kursus.



Bilangan graduan PhD 2016 telah melepasi sasaran awal sebanyak 48 graduan. Peratus *Graduate on Time* (GOT) PhD adalah 29% dan bagi sarjana adalah 50%.

Pada tahun 2017, UMS mensasarkan enrolmen pelajar PhD seramai 730 pelajar, sarjana penyelidikan 899 pelajar, dan sarjana kerja kursus 877 pelajar. Manakala sasaran pelajar pascasiswazah bergraduasi 2017 adalah 55 pelajar PhD, 145 sarjana penyelidikan dan 450 sarjana kerja kursus.

Bilangan enrolmen pelajar antarabangsa 2017 yang disasarkan pula adalah seramai 118 orang. Angka ini akan dapat dicapai dengan siri promosi yang lebih agresif, meneroka pasaran berpotensi di negara jiran, penawaran beberapa program baru dan menambah baik sistem penyampaian sedia ada. Kejayaan UMS menstruktur program sedia ada kepada ijazah generik dan penawaran bersyarat kepada bakal graduan akan memangkin proses ini. Langkah proaktif menawarkan program MBA dan Sarjana Psikologi Kaunseling di Semenanjung Malaysia dijangka membantu mencapai sasaran ini. Penawaran dan penyampaian program pengajian pascasiswazah di UMS akan terus ditambah baik untuk lebih dinamik dan berdaya saing bagi membantu pencapaian objektif keseluruhan UMS, khususnya dalam pencapaian sasaran UMS dan KPT.



Tuan-tuan, Puan-puan, rakan seperjuangan dan para pelajar yang saya kasihi sekalian

(Alumni adalah Duta UMS)

Tanpa kita sedar, UMS kini mempunyai sejumlah 57,092 alumni dengan pecahan sebanyak 56,266 alumni tempatan dan 826 alumni antarabangsa. Pencapaian dan sumbangan alumni kepada *alma mater* mahupun masyarakat mencerminkan universiti sebagai sebuah universiti awam yang berprestij dan mempunyai reputasi yang tinggi.

Saya percaya, '*sense of belonging*' haruslah dipupuk sejak pelajar mula melangkah ke menara gading dan bukannya pada tahun akhir mereka di universiti. Saya mohon kepada semua warga kampus agar memberi

layanan yang sewajarnya kerana mereka merupakan Duta UMS setelah bergraduasi. Adalah diharapkan agar semua alumni UMS akan terus '*stay connected*' dengan *alma mater* walau di mana sahaja mereka berada. Selama dua tahun berturut-turut juga kad Alumni telah dikeluarkan sempena majlis Konvokesyen UMS dengan kelebihan potongan harga pembelian buku dan utiliti yang ditawarkan oleh Penerbit UMS dan Koperasi UMS.

Dari aspek penjanaan Tabung Dana Alumni, secara keseluruhannya Pusat Alumni telah berjaya mengumpul sebanyak RM220,0918.80 melalui penganjuran pelbagai aktiviti pada tahun 2016, menjadikan jumlah terkumpul sebanyak RM3,646,744.10.



Terima kasih kepada semua kakitangan (alumni) yang telah membuat sumbangan bulanan melalui potongan gaji, semoga lebih ramai yang akan mengikut jejak mereka. Jangan sesekali kita meremehkan sesuatu perbuatan baik walaupun hanya sekadar senyuman.

Semua aktiviti anjuran Pusat Alumni ini tidak terbatas kepada alumni semata-mata, malah pelbagai usaha telah dilaksanakan untuk meningkatkan kebolehpasaran graduan dan kerjaya. Ini telah mencetuskan idea untuk penjenamaan semula nama Pusat Alumni kepada Pusat Alumni dan Pembangunan Kerjaya. Saya percaya, penjenamaan semula ini akan meluaskan lagi fungsi dan objektif Pusat Alumni dalam memperkasa nilai tambah pelajar dan alumni.

Tuan-tuan, Puan-puan, rakan seperjuangan dan para pelajar yang saya kasihi sekalian

(Menambah Baik Jaringan Industri dan Komuniti)

Sejak tahun 2013, UMS telah mendapat sebanyak 18 geran *Knowledge Transfer Program* (KTP) dengan peruntukan yang diterima berjumlah RM2,768,748.50 untuk jangka masa 5 tahun (2012-2016). Pada tahun 2016, UMS berjaya mendapat 2 geran KTP berjumlah RM144,238.00 di bawah skim pembelajaran sepanjang hayat pelan "*rolling*" pertama yang merupakan hampir 10% daripada geran keseluruhan KTP yang diberikan dalam tahun 2016.

Di samping itu, para penyelidik UMS telah mencatat kecemerlangan memperoleh 8 geran Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS 4.0) berjumlah RM689,000.00 yang ditawarkan Bahagian Hubungan Industri, KTP berbanding dengan 1 geran sebanyak RM274,000.00 pada tahun 2015 dengan jumlah keseluruhan sebanyak RM963,000.00.

Untuk pertama kalinya, UMS telah berjaya mendapat 3 geran berjumlah RM70,000.00 di bawah skim "*My Kampung My Future*" di Pulau Banggi, Kudat yang ditawarkan Kementerian Pertanian dan Asas Tani.



Pada tahun 2016, UMS telah berjaya mendapat sumbangan atau komitmen sumbangan dari beberapa agensi. Setakat ini terdapat dua tabung amanah endowmen yang diuruskan iaitu Tabung Sumbangan Dana Warga UMS dengan jumlah dana RM12,315.85 dan Biasiswa Tun Said Keruak sebanyak RM25,373.00.

Boustead Holding Berhad telah memberi komitmen sebanyak RM500,000.00 bermula tahun ini bagi penambahbaikan Akuarium dan Muzium UMS. Sumbangan berbentuk *in-kind* daripada pihak Asan

Foundation berjumlah RM100,000.00 setahun untuk tempoh 5 tahun iaitu sumbangan buku dan jurnal berkaitan dengan perniagaan dan kewangan yang diletakkan di Perpustakaan UMS.

Felda Global Ventures (FGV) telah memberi endowmen untuk kursi profesor di bawah Unit Penyelidikan Minyak Kelapa Sawit Lestari (SPOR) bernilai RM2 juta. Majlis menandatangani MoA ini telah diadakan pada 29 Oktober 2016 sempena majlis ulang tahun ke-10 Fakulti Pertanian Lestari (FPL) kampus cawangan Sandakan. Wang tunai sebanyak RM320,000.00 daripada Binapuri Sdn. Bhd. juga telah diperoleh setakat tahun 2016.



Dokumen MoU bersama Syarikat Pembinaan YTL telah ditandatangani pada bulan Februari 2016 untuk pemberian biasiswa khas kepada pelajar UMS dalam bidang kejuruteraan awam dan perakaunan mulai sidang 2015/2016.

UMS juga telah diberi pengiktirafan peringkat kebangsaan untuk menerajui Pusat Kecemerlangan Industri atau *Industry Centre of Excellence* (ICoE) Kluster Pertanian. Program ICoE ini merupakan "*signature program*" KPT yang menyokong pelaksanaan Program Transformasi Ekonomi Negara (ETP).

ICoE Kluster Pertanian menumpukan pembangunan modal insan dan perkongsian teknologi antara IPT dengan pihak industri dalam sub-sektor pertanian demi pembangunan mampan industri pertanian negara. Ia juga berperanan melahirkan usahawan tani yang profesional, inovatif dan berdaya saing sebagai "*job creator*".

Setakat ini, tujuh program latihan ICoE Kluster Pertanian telah dijalankan pada tahun 2016 dengan kerjasama pihak institusi penyokong dan industri yang melibatkan para pelajar daripada seluruh Malaysia. Sehingga akhir tahun 2016, sebanyak RM508,361.90 telah digunakan bagi pelaksanaan

program-program tersebut serta kos-kos pentadbiran yang mana lebih daripada 500 orang pelajar telah berjaya dilatih bagi meningkatkan kadar kebolehpasaran graduan di negara ini. Sebanyak 1.5% berjaya dicapai daripada KPI yang diberikan oleh kementerian. Selain itu, sistem atas talian ICoE Kluster Pertanian juga berjaya dibangun bagi kegunaan semua institusi penyokong.

Dengan pemindahan fungsi endowmen dan sumbangan ke Unit Penjanaan dan Pelaburan yang baru, Pusat Jaringan Komuniti dan Industri (CICN) akan memfokuskan kepada jaringan industri dan komuniti. Selain memperkasakan fungsi sedia ada terutamanya yang berkaitan dengan komuniti, program-program berikut juga dirancang iaitu:

1. “1 Fakulti- 1 Industri- 1 Komuniti”

Program ini dilaksanakan melalui inisiatif yang sedia ada seperti program *CEO@ Faculty* dan *CEO@University* serta juga melalui platform UMS iaitu *ICON@UMS* dan pelbagai geran KTP/NBOS dan kerjasama dengan korporat melalui program tanggungjawab sosial korporat (CSR) mereka.

2. **Latihan Industri Luar Negara** iaitu untuk menggalakkan lebih ramai pelajar dari semua fakulti untuk merancang dan melaksanakan Latihan Industri di luar negara sama ada menggunakan peruntukan sendiri atau bantuan melalui program-program yang sedia ada. Modul terbaik adalah seperti usaha yang dilaksanakan di bawah ladang kongsi *Student Aquaculture Industrial Training in Overseas* (SAITO) di bawah Program Akuakultur bagi menjana dana untuk melaksanakan Latihan Industri ke Jepun dengan kerjasama University Kindai, Jepun.
3. **Regional Digital Maker Hub** iaitu merealisasikan infrastruktur dan kemudahan untuk pengendalian pelbagai program dan kursus kepada pelajar UMS, pelajar dan guru sekolah dan juga orang awam menggunakan “*self-financing model*”.
4. Peningkatan geran/dana untuk program komuniti iaitu menggalakkan permohonan pelbagai jenis geran atau dana untuk menyokong program komuniti.
5. **Program ICoE Pertanian.** Sehingga 13 Januari 2017, sebanyak 14 kertas kerja telah berjaya dikumpulkan oleh pihak sekretariat ICoE Kluster Pertanian daripada institusi-institusi penyokong seluruh Malaysia berjumlah kira-kira RM1.1 juta secara keseluruhan. Kertas-kertas kerja yang dikumpulkan ini akan dibawa ke KPT bagi permohonan dana baru untuk tahun ini bersama-sama dengan pihak ICoE kluster-kluster yang lain.

Menerusi CICN, UMS terus bertekad menjadi sebuah institusi yang inovatif dan tersohor di peringkat global, relevan, dirujuk dan dihormati melalui hubungan kerjasama strategik dan pintar dengan agensi kerajaan, industri

dan komuniti dalam mencapai pembangunan modal insan yang holistik dan seimbang, pengurusan efisien dan hasil berimpak tinggi.

Tuan-tuan, Puan-puan, rakan seperjuangan dan para pelajar yang saya kasihi sekalian

(Memperkasakan Keusahawanan)

Pada tahun 2016, Pusat Penyelidikan dan Pembangunan Keusahawanan (ERDEC) telah melatih seramai 1,832 pelajar dalam bidang keusahawanan melalui lebih 30 program berbentuk seminar, kursus dan aktiviti perniagaan. Seramai 45 pelajar yang menjalani perniagaan semasa pengajian berdaftar dengan ERDEC, manakala disasarkan seramai 150 graduan akan menjadi usahawan pada tahun 2017 iaitu selepas menamatkan pengajian. Antara program yang memberi impak kepada pelajar UMS ialah penganjuran program *My Best Buy* (Pasar Tani) NBOS dengan kerjasama Lembaga Persekutuan Pertanian Malaysia (FAMA) melibatkan lebih daripada 20 pelajar.



Nilai jualan setiap hari khamis mencapai RM25,000.00 sehari iaitu bersamaan dengan RM100,000.00 nilai jualan sebulan. Dengan kerjasama ini, UMS melalui Kelab MyAgrosis telah menubuhkan dua K-Shoppe iaitu di Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) dan Kampus Fakulti Pertanian Lestari (FPL) Sandakan dengan masing-masing mencapai jualan purata RM1,500.00 dan RM3,000.00 sebulan.



Seramai 17 tenaga pengajar telah didedahkan dengan kemahiran pengajaran keusahawanan, sementara 3 orang pensyarah telah dihantar untuk mengikuti kursus *Entrepreneurial Educator Enhancement Program* (3EP).

Dari segi penyelidikan, sejumlah RM854,540.00 nilai geran penyelidikan telah diperoleh pada tahun 2016 melibatkan 1 geran penyelidikan dan 5 geran komuniti.

Pencapaian tahun 2016 bagaimanapun masih boleh diperbaiki melalui perancangan yang teliti dengan pelaksanaan yang sistematik. Sehubungan itu, pada tahun ini, ERDEC akan melancarkan sistem *online* latihan keusahawanan pelajar. Sistem ini membolehkan latihan dan kemahiran keusahawanan pelajar direkodkan dan transkrip latihan dihasilkan pada setiap semester. Kaedah ini membolehkan ERDEC mengenal pasti pelajar yang berpotensi menjadi usahawan. Selain itu, ERDEC dengan kerjasama kelab Technobiz, Fakulti juga akan melancarkan portal perniagaan *online* melalui web dan aplikasi telefon (*mobile apps*). Perniagaan atas talian berkenaan boleh dilayari melalui alamat www.tamu.ums.edu.my. Langkah ini membolehkan para pelajar dan staf menjalankan perniagaan atas talian bersesuaian dengan era digital ekonomi.

Pada tahun ini, ERDEC dalam rangka kerja menyediakan Pelan Strategi Keusahawanan Komprehensif (PSKK). PSKK berteraskan kepada 5 teras strategi. Tiga strategi utama tertumpu kepada pembangunan keusahawanan pelajar dan 2 strategi selanjutnya merujuk kepada strategi pembangunan akademik dan komuniti. Strategi-strategi berkenaan ialah;

- 1) Kelestarian Budaya Keusahawanan (*Sustainable Entrepreneurship Culture*),
- 2) Memantapkan Pembelajaran Keusahawanan (*Empower Entrepreneurial Learning*),

- 3) Membudayakan Keusahawanan Berkesan (*Inculcate Effectuative Entrepreneurship*),
- 4) Kompetensi Pengajaran dan Pembelajaran Keusahawanan (*Competency in Teaching and Learning*) dan,
- 5) Penyelidikan Berasaskan Komuniti (*Research Based Community*)

Pelaksanaan strategi pertama melibatkan penawaran kursus-kursus dan seminar kemahiran keusahawanan berkredit dan tidak berkredit. Antara strategi pelaksanaan melibatkan penganjuran *Sabah SME Week* peringkat negeri, *Young Entrepreneurship Mentor* (YEM), Fakulti-Inkubator Program, *Profesional Entrepreneurship Program* (PEP), Bulan Keusahawanan Kebangsaan dan Asas Pembangunan Keusahawanan (APK).

Strategi kedua menumpukan kepada kaedah pengajaran dan kandungan kursus keusahawanan merentas kurikulum. Strategi ini meliputi inisiatif pelaksanaan kaedah pembelajaran "*Problem-Based Learning*", "*Experiential Learning*", "*Student Centre Learning*" dan "*Phenomenon Learning*." Usaha ini menyokong kepada hasrat universiti untuk menghasilkan graduan yang responsif, inovatif dan berdaya saing.

Strategi ketiga pula memfokuskan pembangunan usahawan dalam kalangan pelajar dan graduan. Bagi memastikan lebih ramai pelajar menjalankan perniagaan semasa dalam pengajian, kemudahan ruang perniagaan perlu disediakan. Bagi mencapai objektif berkenaan, beberapa strategi pelaksanaan telah dirancang seperti memperbanyakkan "*Student Business Centre (SBC)*", meluaskan pembangunan "*Student Business Farm*" di UMSKAL dan FPL, membangunkan "*Student Mall*" dan "*Student Kiosk Area*."

Pada tahun ini juga, UMS melalui Kelab MyAgrosis akan menubuhkan sebuah lagi K-Shoppe di kampus induk. UMS juga dalam perancangan membangunkan sebuah kedai di One Borneo (SBC-OneB) sebagai ruang untuk pelajar menjalankan perniagaan di pasaran luar UMS. Ia juga merupakan ruang bagi UMS mempromosikan produk-produk yang berpotensi untuk dikomersialkan. Di samping penyediaan ruang perniagaan, kelab Usahawan, Kelab Enactus dan Kelab MyAgrosis juga akan dipertingkatkan jumlah ahlinya. Sebuah kelab yang memberi pendedahan dan kemahiran berkenaan dengan perniagaan hijau (*Green Business*) turut akan ditubuhkan pada tahun ini. Kelab ini dipanggil Kelab Ecopreneur UMS iaitu hasil kerjasama erat antara UMS dengan pihak Ya Hijau bersama Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air.

Bagi memastikan ketiga-tiga strategi boleh dilaksanakan, pelaksanaan strategi keempat amat signifikan dengan memfokuskan pembangunan kompetensi tenaga pengajar. Antara program yang akan dilaksanakan ialah *Entrepreneurship Leadership Program* (ELP) dan *Entrepreneurial Educator Enhancement Program* (3EP) serta *Entrepreneurship Training of Trainers* (ToT). Tenaga pengajar yang dilatih akan melibatkan kakitangan akademik dan kakitangan pentadbiran. Usaha ini akan memastikan pembelajaran keusahawanan dapat dimanfaatkan kepada seluruh warga UMS dan

komuniti setempat. Kompetensi tenaga pengajar pada amnya akan memastikan program keusahawanan dapat dilaksanakan dengan baik dan berkesan.

Strategi yang terakhir merupakan program penyelidikan yang berasaskan komuniti. Bagi memastikan UMS dapat menyumbang kepada pembangunan Perusahaan Kecil Sederhana (PKS) di Malaysia khususnya di Sabah, aktiviti penyelidikan berasaskan komuniti perlu diperbanyakkan. *Public Private Research Network* (PPRN) menyediakan geran penyelidikan keusahawanan berasaskan teknologi inovasi untuk PKS. ERDEC melalui felo penyelidikannya akan terus berusaha untuk mendapatkan geran berkenaan demi pembangunan PKS di Sabah. Selain itu, geran yang berasaskan kepada komuniti seperti NBOS dan KTP akan ditambah pada tahun 2017.

Tuan-tuan, Puan-puan, rakan seperjuangan dan para pelajar yang saya kasihi sekalian

(Fasiliti dan Prasarana)

Tahun 2016 juga memberikan satu indikator yang positif pada penggunaan tenaga elektrik dengan jumlah penjimatan sebanyak RM1,326,782.94 (-9.76%). Begitu juga dengan penggunaan talian telefon yang mengalami penjimatan sebanyak RM19,347.51 (-5.28%). Begitupun, berlaku sedikit kenaikan air sebanyak RM195,203.00 (+8.38%) disebabkan oleh kenaikan tarif semasa utiliti air. Perkara ini merupakan sesuatu yang boleh dibanggakan dan kempen penjimatan utiliti ini perlu diteruskan. Penjimatan ini juga disebabkan oleh aktiviti pembaikan yang telah banyak dilakukan melalui beberapa kaedah agar ia menjadi lebih efektif dan berkesan.

Rolling Plan Ke-4 RMK-10 dengan jumlah keseluruhan 5 buah projek menjadi pemangkin kepada kejayaan pihak JPP untuk menyelesaikan projek tersebut dengan jayanya. 3 daripada 5 buah projek sambungan adalah projek bagi perolehan peralatan di Institut Penyelidikan Bioteknologi (IPB), Fakulti Pertanian Lestari (FPL) dan Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK).

Selain itu, projek penyediaan ladang, plot tanaman, kolam dan sistem saliran di FPL serta satu projek membaik pulih bangunan Kampus Antarabangsa Labuan dan projek kemudahan infrastruktur kampus induk merupakan projek sambungan yang telah siap dilaksanakan.

Dua (2) buah projek baru dalam proses akhir iaitu pembinaan Pusat Persediaan Sains & Teknologi (PPST) dan Pembinaan Makmal Bersepadu yang bernilai RM20 juta merupakan nadi utama projek pembangunan JPP. Dengan pemantauan sepenuhnya oleh UMS, ia telah menjadi satu mercu tanda kebanggaan bagi JPP dalam menjadikan projek ini sebagai penanda aras keupayaan universiti menjalankan projek di bawah pemantauan sendiri. Sebagai warga UMS, semestinya menjadi kebanggaan apabila

banyak universiti awam (UA) telah menjadikan UMS sebagai *bench mark* dalam menjalankan pembinaan projek pembangunan universiti. Kesemua projek tersebut yang berada di bawah RMK11 akan siap pada bulan November 2017.

Bagi membantu universiti menguruskan perbelanjaan secara berhemah, strategi penjimatan dan penggunaan utiliti secara berkesan digunakan iaitu penggunaan lampu jenis *induction lamp*, lampu *spot light induction*, *panel solar* di setiap bumbung perhentian bas yang telah dilaksanakan secara berperingkat pada masa sekarang yang akan memberi impak tinggi kepada penjimatan tenaga elektrik pada tahun 2017. Strategi dan langkah penggunaan air tasik tadahan oleh pihak landskap serta penutupan *garden tap* bagi penggunaan air juga dikawal bagi menjamin ianya digunakan dengan betul dan berhemat.



Tuan-tuan, Puan-puan, rakan seperjuangan dan para pelajar yang saya kasihi sekalian

(Menaik Taraf Penyampaian Digital)

Dunia maklumat di hujung jari merupakan akses terpantas untuk pendidikan dan menjadi keperluan yang sangat penting kepada warga UMS. Berikutan itu, pihak pengurusan turut mengambil langkah proaktif bagi menaik taraf sistem WIFI UMS agar capaiannya lebih luas dan boleh diakses di mana-mana sahaja di dalam kampus. Justeru, beberapa projek telah dijalankan bagi memberi liputan yang lebih menyeluruh.

Sebanyak 85% pemasangan poin akses telah dijalankan setakat 31 Disember 2016 dan siap sepenuhnya pada bulan lalu. Bagi liputan di kolej kediaman Tun Mustapha dan Tun Fuad Stephen telah siap 100%, manakala di Kolej Kediaman E sebanyak 85%. Bagi Kolej Kediaman Kingfisher

sebanyak 10% iaitu di kawasan pejabat pentadbiran HEP, Kolej Kediaman USIA sebanyak 80% dan capaian sebanyak 90% di Kolej Kediaman ALFA dan BETA di UMSKAL.

Dijangkakan capaian sebanyak 100% akan siap sepenuhnya pada bulan Disember tahun ini di semua kawasan yang masih menerima signal yang lemah.

Sementara itu, Sistem Pengurusan Jurnal UMS telah dibangunkan dan beroperasi bermula pada bulan Jun 2016. Objektif utama pembangunan sistem ini adalah untuk membolehkan semua maklumat penulisan khususnya jurnal terbitan universiti disimpan secara berpusat dan boleh diakses secara dalam talian bagi menyediakan perkongsian ilmu kepada umum. Aktiviti ini secara tidak langsung menyokong pelaksanaan pemantapan ranking Webometrik meliputi kategori *impact*, *transparency* dan *presence*. Setakat ini, empat jurnal kategori sains dan 14 jurnal kategori sains sosial dan kemanusiaan telah dibangunkan.

Tuan-tuan, Puan-puan, rakan seperjuangan dan para pelajar yang saya kasihi sekalian

(Mengoptimumkan Belanja Mengurus)


Betul seperti yang dikatakan orang, "Ada duit, semua boleh jadi, tak ada duit, macam mau mati". 2016 adalah tahun yang membawa pelbagai cabaran di serata dunia dan ketidaktentuan ekonomi global yang dialami turut membawa kesan kepada kita semua.

Faktor-faktor kenaikan dolar Amerika Syarikat, penurunan harga minyak mentah dan komoditi utama umpamanya, turut memberi tempias terhadap negara kita. Nampaknya, cabaran ini akan berterusan lagi pada tahun 2017.

Sejak awal lagi pihak KPT telah mengambil langkah untuk mengurangkan kebergantungan Universiti Awam kepada pembiayaan kerajaan. YAB Perdana Menteri melalui Kementerian Pendidikan Tinggi pada 21 Oktober 2016 telah meluluskan peruntukan tahun 2017 UMS sebanyak RM344,271,000.00, termasuk peruntukan sumber dalaman sebanyak RM101,821,000.00. Ini bermaksud, jumlah pemberian kerajaan yang akan disalurkan pada tahun 2017 kepada universiti hanyalah berjumlah RM242,450,000.00 sahaja.

Walaupun terdapat pengurangan sebanyak 23% berbanding tahun 2016, universiti masih perlu menetapkan kuasa belanja hampir RM399,000,000.00 bagi tahun 2017 untuk mengekalkan pertumbuhan universiti dalam persekitaran kekangan kewangan serta mengelakkan aktiviti pengajaran dan pembelajaran terjejas. Dengan mengambil kira semua kos yang terlibat, pihak universiti menganggarkan kurangan perbelanjaan adalah berjumlah RM156,550,000.00 yang perlu ditampung

menggunakan sumber dalaman universiti. Jumlah ini sangat besar untuk kita tampung pada tahun 2017.



Untuk makluman hadirin sekalian, perbelanjaan mengurus universiti pada tahun 2016 adalah sebanyak RM393,179,460.00 dengan penggunaan sumber dalaman hanyalah berjumlah RM58,607,447.00. Pada tahun 2016 juga, pihak UMS telah melaksanakan beberapa projek berimpak tinggi yang diyakini boleh memberi pulangan atau penjanaan dalaman kepada universiti dalam mengharungi tahun-tahun mendatang seperti berikut:

- 1) Projek Pembangunan Inkubator Akuakultur (Hatceri Baru) IPMB



2) Pusat Penyelidikan Makanan Ternakan UMS di Tanah Milik UMS Apin-Apin



3) Projek Penyelidikan IPB



Tuan-tuan, Puan-puan, rakan seperjuangan dan para pelajar yang saya kasihi sekalian

(Jimat dan Jana)

Tahun 2017 merupakan tahun yang penuh dengan cabaran. Oleh yang demikian, saya ingin mengajak para Dekan, Pengarah, Ketua Jabatan, ahli Pengurusan serta warga universiti amnya untuk bersama-sama dalam mengharungi apa jua halangan yang mendatang. Bak kata pepatah, "bersatu kita teguh, bercerai kita roboh".

Bagi mengatasi kekurangan peruntukan kira-kira RM156 juta, saya mengharapkan bantuan daripada warga UMS untuk mengambil pendekatan bagi melindungi universiti yang kita cintai ini dengan mengamalkan

penjimatan, tidak kira dari segi bajet ataupun perbelanjaan secara berhemah lainnya. Untuk itu, pada tahun 2017, pihak universiti melaksanakan pemberian peruntukan berdasarkan *one-line budgeting* yang mana Pusat Tanggungjawab (PTJ) diberi kuasa untuk menentukan agihan setiap vot masing-masing dengan syarat tidak ada peruntukan tambahan dibenarkan.

Perbelanjaan Universiti juga akan disusun semula mengikut keutamaan dari semasa ke semasa tanpa menjejaskan proses pengajaran dan pembelajaran bagi menampung kurangan peruntukan yang diterima. Antara inisiatif penjimatan tersebut adalah seperti berikut:

- 1) Mengurangkan komitmen terikat yang boleh dikawal;
- 2) Memusatkan semula peruntukan di bawah Perbelanjaan Perjalanan dan Sara Hidup (OS B21000) dan Penyelenggaraan dan Pembaikan (VOT B28000);
- 3) Berbelanja secara berhemah dengan menangguhkan beberapa aktiviti yang tidak perlu seperti Dasar Baru dan *One-off*;
- 4) Mengurangkan aktiviti keraian yang tidak atau kurang memberi impak kepada kecemerlangan universiti; dan
- 5) Berbelanja mengikut kemampuan.

Warga universiti juga boleh membantu pihak pengurusan dengan mengaplikasikan elemen perbelanjaan berhemah dalam semua hal, contohnya menggunakan perkhidmatan *Grab Car* atau *Uber* yang lebih murah kosnya berbanding teksi ketika bertugas di luar universiti.

Walaupun terdapat kurangan peruntukan, pihak universiti tidak sekali-kali akan mengurangkan malah berusaha untuk meningkatkan kecekapan pengurusan kewangan. Saya mengharapkan agar semua warga universiti komited, bersatu dan berusaha gigih serta memastikan program pendidikan tinggi terus dilaksanakan.

Langkah-langkah Penjanaan Pendapatan

Sehubungan itu, dalam menghadapi senario kekangan kewangan, semua pihak perlulah bekerjasama dalam meningkatkan jumlah penjanaan sumber dalaman universiti melalui aktiviti penjanaan serta pelaburan yang dirancang secara strategik dan paling menguntungkan.

Bagi tahun 2017, jumlah pendapatan dalaman yang diperlukan oleh universiti untuk mengekalkan operasi di tahap optimum adalah berjumlah kira-kira RM156 juta, peningkatan hampir RM100 juta berbanding sumber dalaman yang dijana pada tahun 2016 iaitu kira-kira RM58 juta.

Seperti yang kita sedia maklum bahawa kutipan yuran pelajar merupakan pendapatan utama bagi universiti yang merangkumi 60% daripada jumlah

sumber dalaman tahun 2016. Alhamdulillah, hasil kerjasama semua pihak, jumlah hutang pelajar telah berkurang sebanyak 36.6% @ RM1.675 juta pada tahun 2016 berbanding tahun 2015. Selain itu, peratus kutipan hutang pelajar juga telah menunjukkan peningkatan hampir 95% @ RM48 juta pada tahun yang sama. Saya berharap momentum ini dapat diteruskan dan ditingkatkan lagi pada tahun 2017. Oleh itu, saya menyeru kepada para Dekan, Pengarah dan pihak terlibat agar dapat bekerjasama dalam meningkatkan kadar pungutan yuran pelajar universiti.

Walau bagaimanapun, prestasi penjaan dalaman PTJ telah mencatatkan pengurangan yang signifikan sebanyak -33.63% berbanding tahun 2015. Setakat 31 Disember 2016, penjaan dalaman PTJ hanya mencatatkan jumlah sebanyak RM755,885.30. Amatlah rugi kepada kita semua sekiranya ruang dan kemudahan serta perkhidmatan tidak dioptimumkan penggunaannya.


Saya berharap semua pihak dapat sama-sama berusaha dengan lebih kreatif dalam mempromosi kemudahan, perkhidmatan dan ruang yang dimiliki universiti, sekali gus membantu meningkatkan penjaan dalaman universiti.

Sekali lagi saya ingin mengingatkan bahawa dalam kita rancang strategi penjaan, proses dan tatacara pengurusan projek atau program penjaan hendaklah selaras dengan peraturan kewangan dan perakaunan yang dikuatkuasakan. Segala kutipan hasil dan perbelanjaan yang berkaitan perlu dibuat melalui Jabatan Bendahari, bagi pihak universiti.

Sukacita juga saya ingin mengumumkan bahawa bermula pada 19 Disember 2016, universiti telah mendapat kebenaran dari Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS) sebagai Nazir Khas bagi kutipan Tabung Wakaf Tunai Pendidikan UMS. Sumbangan tunai wakaf boleh dibuat di mana-mana kaunter Jabatan Bendahari atau melalui potongan gaji bulanan. Sehingga 31 Disember 2016, sumbangan kakitangan melalui Seksyen Endowmen mencatatkan jumlah sebanyak RM21,453.89 dan diharapkan jumlah ini dapat ditingkatkan lagi pada tahun ini.

Saya melihat pengumpulan dana tambahan melalui wakaf dan endowmen sangat berpotensi untuk dikembangkan. Seksyen Endowmen misalnya telah berjaya mengumpulkan sebanyak RM18,600,000.00 dalam bentuk tunai dan *in kind* sepanjang tahun 2016. Pada tahun ini, saya berharap semua pihak bekerjasama dengan Seksyen Endowmen dan Jabatan Bendahari untuk mendapatkan dana sama ada berbentuk tunai, pembangunan aset dan lain-lain bagi universiti terutamanya yang melibatkan alumni UMS dan pihak industri luar.

Benarlah sepertimana yang dikatakan pujangga, kepuasan hidup itu bukan terletak pada apa yang kita peroleh tetapi kepuasan itu adalah ketika kita mampu memberi kepada orang lain.



Tuan-tuan, Puan-puan, rakan seperjuangan dan para pelajar yang saya kasihi sekalian

(Inisiatif Baharu)

Penambahbaikan Sumber Insan Institusi

Kita bertekad untuk menjadikan UMS sebagai institusi yang dapat menyumbang manfaat kembali kepada masyarakat dan sebagai institusi yang mampu berdikari dan lestari dalam pengurusan kewangan. Terus cemerlang dalam akademik dan menyebarkan ilmu dan melahirkan sumber insan bukan saja berilmu, berakhlak mulia tetapi juga memiliki nilai-nilai norma serta mampu menjadi penggerak ekonomi dan kewangan yang lestari. Bagi memacu UMS sebagai institusi pendidikan tinggi awam untuk melahirkan para pemimpin dan insan-insan yang berilmu serta bersahsiah tinggi, institusi ini perlu memiliki sumber insan yang berwibawa serta berintegriti tinggi kerana kita semua adalah aset penting UMS, sesuai dengan peranan dan tanggungjawab masing-masing. Saya ingin mengimbuai semula tentang hal ini yang dipetik dari ucapan Amanat Sulung saya sebagai Naib Canselor UMS pada tahun 2012 yang berbunyi:

“Memperkasa sumber insan menerusi disiplin dan sumbangan dalam aktiviti pembangunan keilmuan di setiap Jabatan, Institut, Sekolah, Pusat dan Unit (JISPU) di UMS. Transformasi minda dan sikap pekerja akan berubah sesuai dengan perubahan semasa.”

(Harun, 2012:10)

"Bekerja sebagai satu pasukan adalah tunggak yang penting dalam sesebuah Institusi. Bersatu teguh bercerai roboh; berat sama dipikul ringan sama dijinjing; Insyaa' Allah semua kerja menjadi mudah dan lebih berkesan."

(Harun, 2012:16)

"Penglibatan semua staf baik akademik mahupun bukan akademik di semua peringkat dalam Jabatan, Sekolah, Pusat, Institut dan Unit (JSPIU) amat dialu-alukan. Setiap individu harus siap berperanan dan wajib mendukung dan menyokong aktiviti JSPIU dan universiti. Sistem pemantauan akan dibuat bagi memastikan nadi jentera JSPIU bergerak dan seterusnya menyumbang kepada kemajuan UMS."

(Harun, 2012:16)

Kekuatan sumber manusia terkini di UMS adalah berjumlah 2,866 iaitu kakitangan akademik berjumlah 1,084 dan kakitangan pentadbiran berjumlah 1,782. Justeru, kita sebagai aset penting UMS dengan cabaran-cabaran semasa yang dihadapi dalam pekerjaan mahupun kehidupan, secara tidak langsung memberi kesan kepada kualiti dan produktiviti organisasi. Setiap tahun, wujud segelintir kakitangan awam yang diklasifikasikan sebagai berprestasi rendah.

Bagi memastikan penyampaian perkhidmatan awam di UMS tidak terjejas, melalui pekeliling Perkhidmatan Bil. 7 tahun 2015, satu garis panduan bagi pelaksanaan Dasar Pemisah (*Exit Policy*) bagi pegawai yang berprestasi rendah dalam perkhidmatan diwujudkan bertujuan membolehkan pengurusan sumber manusia dan pegawai psikologi melaksanakannya secara sistematik dan seragam.



Pihak universiti telah menerima pakai pekeliling ini pada Mesyuarat PBPU Bil.7/2016 kali ke-201 bertarikh 30 Jun 2016 dan dilaksanakan di Universiti berkuatkuasa tahun 2017 untuk penilaian LNPT bagi tahun 2016.

Dasar Pemisah (*Exit Policy*) merupakan satu dasar untuk menamatkan perkhidmatan dan membersarakan kakitangan yang berprestasi rendah daripada perkhidmatan awam. Kakitangan yang dibersarakan menerusi skim ini masih menikmati kemudahan-kemudahan seperti persaraan biasa iaitu pencen bulanan, ganjaran, pemberian wang tunai gantikan cuti, kemudahan perubatan dan kad pesara. Bagi yang memilih KWSP, akan menerima caruman KWSP dan dividen serta kemudahan lain kecuali ganjaran.

Kakitangan yang berprestasi rendah diklasifikasikan sebagai kakitangan yang memperoleh markah LNPT 60% dan ke bawah dan tidak mencapai KPI yang telah ditetapkan serta melibatkan semua peringkat kumpulan termasuklah pengurusan tertinggi universiti.

Bagi memastikan Dasar Pemisah (*Exit Policy*) dilaksanakan dengan telus, sebuah Panel Intervensi Psikologi (PIPs) ditubuhkan bagi menentukan program intervensi yang sesuai bagi tempoh pemerhatian kepada kakitangan berprestasi rendah yang terlibat dengan pelaksanaan dasar tersebut. PIPs berperanan dan bertanggungjawab dalam mempertimbang dan memperakukan cadangan penentuan intervensi kakitangan dan mempertimbang dan memperakukan penilaian keseluruhan kakitangan dalam tempoh pemerhatian.

Bagi membantu tempoh pemerhatian tersebut, Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam atau nama singkatannya AKRAB diwujudkan bagi membantu proses pemerhatian kakitangan berprestasi rendah dan sebagai rakan pembimbing bagi membantu rakan sekerja meningkatkan potensi dan kecemerlangan bagi yang ingin berubah.

Pelaksanaan Dasar Pemisah ini akan dapat mengekalkan kakitangan yang komited dan berprestasi tinggi bagi membolehkan UMS meningkatkan lagi daya saing dalam menghadapi cabaran masa kelak selaras dengan matlamat mewujudkan perkhidmatan awam yang berprestasi tinggi dan berintegriti. Hal yang demikian juga sejajar dengan autonomi yang diperoleh UMS pada bulan Julai tahun lalu. Lantaran itu, demi meneruskan kecemerlangan yang kita usahakan bersama, penambahbaikan menerusi pengoptimuman sumber manusia yang ada terdiri daripada dua sektor penting iaitu akademik dan pentadbiran akan terus diperkasakan.

Mulai tahun ini juga, pengambilan dan penyambungan kakitangan kontrak akan diperketat dengan mengambil kira keperluan strategik universiti dan prestasi individu. Bermakna, bilangan kakitangan kontrak baharu akan terhad, manakala kakitangan kontrak sedia ada, ada juga yang tidak akan disambung kontrak. Inisiatif ini diambil bagi mengoptimumkan perbelanjaan bagi menghadapi situasi ekonomi yang kian mencabar.

Justeru, universiti perlu bijak menggunakan dana kerajaan yang diperoleh dengan jumlah yang semakin mengecil secara optimum dan perlu giat menjana kewangan sendiri bagi menampung perbelanjaan semasa dan pada masa yang akan datang.

Lantaran itu, universiti perlu berbelanja dengan berhati-hati mengikut keperluan dan secara optimum sepertimana yang saya jelaskan sebelum ini. Namun demikian, kita tidak akan berkompromi dengan kualiti produk yang dihasilkan sama ada dalam konteks perkhidmatan mahupun graduan-graduan yang dikeluarkan.

Berhubung dengan usaha penghasilan graduan-graduan yang berkualiti, usaha-usaha membentuk sahsiah diri dan mempertingkatkan potensi pelajar haruslah dirujuk kembali selaras dengan hasrat dan cita-cita Falsafah Pendidikan Negara yang dinyatakan seperti berikut:

“Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berakhlak mulia, bertanggung jawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara.”

Dalam konteks ini, UMS turut mempunyai visi dan misi jelas selaras dengan falsafah ini iaitu menjadi sebuah universiti berinovatif yang bertaraf dunia dan mencapai kecemerlangan ilmiah dalam pelbagai bidang ilmu untuk mencapai pengiktirafan antarabangsa menerusi pengajaran, pembelajaran, penyelidikan, penerbitan dan khidmat masyarakat serta untuk mencapai keseimbangan pengkhususan ilmu dan keperibadian pelajarnya untuk

menghasilkan produktiviti dan kualiti yang tinggi dalam konteks persekitaran dan aspirasi pembangunan masyarakat dan negara.

Kiai Hj. Maemun Zubair pernah berkata,

“Jadi guru itu tidak usah punya niat bikin pintar orang. Nanti kamu hanya marah-marah ketika melihat muridmu tidak pintar. Ikhlasnya jadi hilang. Yang penting niat menyampaikan ilmu dan mendidik yang baik. Masalah muridmu kelak jadi pintar atau tidak, serahkan pada Allah. Didoakan saja terus menerus agar muridnya mendapat hidayah.”



Saya percaya, Jabatan Hal Ehwal Pelajar akan bertindak lebih aktif untuk meneruskan program-program kesukarelawan dan kemasyarakatan komuniti setempat bagi memberikan pendedahan menyeluruh dalam membentuk keperibadian para pelajar.

Selain memastikan pelajar memahami kemahiran insaniah, urusan-urusan berkaitan kebajikan pelajar turut dipermudahkan yakni dengan menyediakan penginapan dan kemudahan yang kondusif serta menstruktur program latihan dan kepemimpinan pelajar yang lebih dinamik dan berkesan sebagai persediaan sebelum bergelar graduan.

Demi mempertingkatkan Kebolehpasaran Graduan, pihak KPT menerusi Lonjakan 1 PPPM (PT) telah mewujudkan satu instrumen yang dipanggil Purata Nilai Gred Purata Kumulatif (iCGPA) iaitu bagi mengukur secara holistik tahap dan perkembangan pelajar dari semester satu (1) hingga semester terakhir. Sukacita saya umumkan bahawa UMS akan melaksanakan penilaian iCGPA ini bermula pada sesi 2017/2018 yang melibatkan dua (2) fakulti perintis iaitu FKJ dan FPEP. Bagi fakulti-fakulti lain, persediaan perlu dilakukan ke arah penilaian ini yang akan dilaksanakan pada sesi 2018/2019 iaitu pada tahun depan.

Bermula kemasukan sesi 2017/2018 juga, UMS akan menawarkan program akademik prasiswazah baharu iaitu Sarjana Muda Pendarasan Islam

dengan Kepujian. Seramai 20 pelajar akan ditawarkan tempat bagi mengikuti program ini. Dua lagi program prasiswazah yang diluluskan KPT ialah Sarjana Muda Pendidikan Awal Kanak-kanak dan Sarjana Muda Kejuruteraan Minyak dan Gas.

Bagi membuka peluang kepada pelajar lepasan STPM dari keluarga berpendapatan rendah mengikuti pengajian di UMS, program B40 yang telah bermula pada sesi 2013/2014 akan diteruskan lagi pada tahun ini dengan penawaran sebanyak 100 tempat kepada mereka. Seramai 67 pelajar B40 ambilan pertama telah bergraduasi pada majlis Konvokesyen UMS lalu dan usaha UMS yang memberi peluang kepada mereka mendapat sanjungan daripada Menteri Pendidikan Tinggi, YB Dato' Seri Idris Jusoh pada majlis Amanat beliau baru-baru ini.



Seperkara lagi yang ingin saya tekankan di sini ialah UMS akan meneruskan agenda pelaksanaan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) iaitu penambahbaikan pelaksanaan amalan 5S yang menyokong persekitaran kerja yang kondusif dan berimej korporat. Suka saya nyatakan di sini bahawa UMS telah pun menggerakkan kempen ke arah mendapatkan pensijilan EKSA bermula awal tahun ini dengan penglibatan semua JFPIU. Saya menyeru kepada para Dekan, Pengarah dan Ketua Jabatan agar bertindak lebih proaktif dan memberikan kerjasama agar keterlibatan semua warga UMS dalam pelaksanaan EKSA dapat dipergiatkan lagi bagi mendapatkan pensijilan EKSA pada bulan Oktober 2017.


Tuan-tuan, Puan-puan, rakan seperjuangan dan para pelajar yang saya kasihi sekalian

(Dasar UMS-NorthSouthbound Friendship)

Pada tahun ini juga, kita akan melaksanakan Dasar *UMS-NorthSouthbound Friendship* iaitu suatu program yang akan membuka laluan dan ruang untuk bekerjasama dengan rakan strategik yang dipilih dari negara-negara di sebelah utara Borneo seperti Taiwan, China, Jepun dan Korea, manakala di selatan Borneo merangkumi Australia dan Kalimantan, Indonesia.



Walaupun beroperasi dengan keadaan kewangan yang terhad, namun dasar yang praktikal membabitkan pengantarabangsaan dan luar negara perlu diteruskan bagi memastikan universiti kita tidak seperti 'katak di bawah tempurung'. Kita perlu ada kerjasama yang memberi manfaat kepada universiti dan para pelajar kita. Pendedahan para pelajar dan staf UMS di luar negara dengan teknologi dan budaya kerja yang positif hendaklah dilaksanakan. Umpamanya baru-baru ini kita telah menghantar 2 orang jurutera kita untuk ditempatkan di Kagoshima University di Jepun selama 15 hari bagi mereka memahami disiplin dan budaya kerja orang Jepun.



Tahun lalu kita juga telah menghantar beberapa orang staf untuk ditempatkan di GIST. Kita akan teruskan usaha menghantar staf-staf dan para pelajar kita ke luar negara sebagai satu usaha latihan kepada mereka.

Kita faham dengan sumber kewangan yang terhad dan kita perlu bijak dalam hal ini. Fakulti dan institut boleh mengambil contoh daripada model Ladang Kongsi dan SAITO (*Student Aquaculture Industrial Training Overseas*) para pelajar program Akuakultur di FSSA dengan kerjasama IPMB yang berjaya menjana pendapatan tahunan pelajar sebanyak RM120,000.00 setiap tahun. Para pelajar sejak tahun pertama sudah dilatih berdikari, membela dan menguruskan ikan untuk dijual. Dari semasa ke semasa dipantau dan diselia oleh penyelia. Hasil daripada kutipan jualan terkumpul, akhirnya membantu mereka semua untuk dapat menjalani latihan industri di Kindai University, Jepun selama 10 minggu dan sejak tahun 2000, sejumlah 214 pelajar kita telah menjalani latihan industri di universiti tersebut. Inilah satu contoh model yang terbaik yang boleh disebar luas dalam program-program pengajian yang ada di dalam UMS.



Tiap-tiap fakulti harus melihat perkara ini secara serius. Apatah lagi dalam mendepani masa-masa ke hadapan yang semakin mencabar, semua universiti awam dikurangkan peruntukan mengurus dari setahun ke setahun dan menjelang tahun 2020, perlu mencari sumber sendiri sebanyak 70% dari bajet mengurus secara keseluruhan.

Pengumuman pengurangan bajet pada bulan Oktober tahun lalu menyaksikan UMS dipotong sebanyak RM74 juta bagi tahun 2017. Pendekatan mengurus universiti, fakulti, institut dan semua jabatan dan pusat harus berubah dari masa lepas.

Disiplin yang tinggi, kebijaksanaan, semangat berkumpulan, berfikir di luar kotak dan kejujuran amat diperlukan sebagai bekal warga UMS dalam melalui liku-liku masa hadapan. Ambil iktibar dari perjalanan dan survival institusi perbankan dari dahulu hingga sekarang. Kalau tidak berhati-hati serta leka, nasib sesetengah bank yang sudah tiada seharusnya dijadikan pengajaran yang berguna. Ditutup atau digabung dan pelbagai perkara lagi yang tidak dingini boleh berlaku. Justeru, untuk memastikan survival universiti yang kita sayangi ini, kita perlu mengurus dengan serius, bijaksana dan optimum. Tidak mahu lagi ada pembaziran kewangan, sumber manusia dan ketirisan. Semua tenaga akademik kena *perform*, kena buat penyelidikan dan menerbit di samping mengajar. Salah satu perbezaan antara guru dan pensyarah adalah perkara tersebut yakni penyelidikan dan penerbitan.

Dalam berdepan alaf yang mencabar, sudah sampai masanya penggunaan sumber-sumber universiti yang sebaik mungkin atau dengan kata lain "pengoptimuman" dibuat secara lebih menyeluruh. Hal ini merangkumi aspek pengajaran dan pembelajaran pensyarah.

Perlu diingatkan, pada tahun ini, pensyarah digalakkan untuk mengajar secara *cross faculties and institutes* iaitu dapat mengajar dalam bidang yang sama di fakulti atau institut lain. Saya tidak mahu ada pensyarah yang mengajar hanya satu subjek dengan jumlah pelajar yang sedikit sepanjang semester sedangkan ada rakannya yang lain mengajar banyak subjek pada satu-satu masa. Saya menyeru kepada para Dekan dan Ketua Program untuk memastikan kes satu pensyarah mengajar hanya satu subjek tidak berlaku.

Tuan-tuan, Puan-puan, rakan seperjuangan dan para pelajar yang saya kasihi sekalian

(PENUTUP)

Sikap dermawan merupakan salah satu sikap yang terpuji dan dituntut oleh semua ajaran agama dan budaya. Amalan suka menderma menggambarkan kemuliaan hati nurani seseorang insan dan menunjukkan nilai kemanusiaan yang tinggi apabila sanggup berkongsi kekayaan dengan masyarakat. Firman Allah SWT di dalam surah al-Imran, ayat 92:

“Kamu sekali-kali tidak sampai kepada kebajikan (yang sempurna), sebelum kamu menafkahkan sebahagian harta yang kamu cintai. Dan apa saja yang kamu nafkahkan, maka sesungguhnya Allah mengetahuinya.”

Dalam sebuah hadis yang disampaikan oleh Amr bin Auf, bahawa Rasulullah SAW bersabda:

“Sesungguhnya sedekah seorang Muslim itu akan memanjangkan umurnya; dan mencegah dirinya dari kematian yang buruk; serta Allah jadikan dia sebagai penghapus dosa, kesombongan dan keangkuhan.”

(Hadis Riwayat Thabrani)

Seorang tokoh negarawan Amerika Syarikat, Albert Pike, pernah berkata: “Apa yang kita lakukan untuk diri kita sendiri akan mati bersama kita; (tetapi) apa yang kita lakukan untuk orang lain dan untuk dunia ini akan berkekalan dan tidak akan lenyap.”

Berdasarkan kepada petikan-petikan tadi, saya menyeru warga UMS agar menanamkan sikap suka menderma demi kebaikan diri sendiri dan masyarakat. Untuk menggalakkan sikap dermawan ini, UMS telah banyak mewujudkan tabung endowmen untuk tujuan pendidikan, kebajikan, pembangunan dan konservasi.

Melalui tabung-tabung endowmen ini, warga UMS boleh memilih untuk menderma seikhlas hati dengan nilai sumbangan bulanan serendah RM3 melalui potongan gaji setiap bulan yang akan disalurkan ke dalam mana-mana tabung endowmen pilihan anda.

Ingin saya tekankan di sini bahawa tabung-tabung endowmen yang diwujudkan bukanlah bertujuan untuk menggantikan apa-apa peruntukan kewangan yang hilang disebabkan pengurangan bajet oleh kerajaan. Walaupun universiti kehilangan hasil akibat kekangan bajet pada 2017, saya memberi jaminan bahawa universiti masih mampu meneruskan agenda pembangunan pendidikan yang telah dirancang, serta masih mampu menjaga kebajikan warga universiti keseluruhannya melalui dasar perbelanjaan berhemah dan penjimatan. Selain dari membantu pembangunan pendidikan di universiti yang kita cintai ini, sumbangan tunai yang diberikan melalui tabung endowmen juga boleh mendapat pengecualian cukai pendapatan dari kerajaan.

Ingatlah, kepuasan hidup itu bukan terletak pada apa yang kita peroleh tetapi kepuasan itu adalah ketika kita mampu memberi kepada orang lain. Pada kesempatan ini, saya ingin merakamkan ucapan jutaan terima kasih kepada 25 warga UMS yang telah menyumbang kepada Tabung Dana Warga UMS melalui potongan gaji bulanan sejak tahun 2015.



Saya berharap agar lebih ramai lagi warga UMS yang akan menyumbang ke dalam tabung-tabung endowmen yang akan diwujudkan kelak.

Sebelum mengakhiri amanat ini, saya ingin berkongsi sedikit pedoman bagi kita mengharungi kegetiran dan cabaran yang sedang dan bakal kita tempuhi. Untuk itu, saya memetik kata-kata Profesor Hamka iaitu, "Tugas kita bukanlah untuk berhasil. Tugas kita adalah untuk mencuba, kerana di dalam mencuba itulah kita menemukan dan belajar membangunkan kesempatan untuk berhasil". Kita tidak perlu mengeluh dengan kesusahan yang berlaku hari ini, anggaplah ia sebagai satu cabaran dan bukannya sebagai satu masalah kerana apa yang berlaku akan memandaikan kita. Gunakan sebaiknya sumber yang kita ada kerana apa yang kita miliki hari ini adalah yang terbaik.



Setiap pekerjaan memerlukan kesabaran dan kegigihan kerana ia adalah kewajiban setiap orang. Pupuklah semangat bekerjasama, saling membantu dan bertekad untuk mencapai sasaran optimum kerana di sebalik itu akan ada kebahagiaan dan kenikmatan yang kita akan rasa. Ikhlasakan hati dan jalankan tugas dengan penuh beramanah. Sesungguhnya, keikhlasan dalam melakukan sesuatu kerja merupakan roh kepada amalan dan ketenangan kita.

Akhir kata, marilah kita sama-sama menghayati mutiara kata berharga daripada Imam al-Ghazali ini.

Yang singkat itu – “waktu”,
Yang menipu itu – “dunia”,
Yang dekat itu – “kematian”,
Yang besar itu – “hawa nafsu”,
Yang berat itu – “amanah”,
Yang sulit itu – “ikhlas”,
Yang mudah itu – “berbuat dosa”,
Yang susah itu – “sabar”,
Yang sering lupa itu – “bersyukur”,
Yang membakar amal itu – “mengumpat”,
Yang mendorong ke neraka itu – “lidah”,
Yang berharga itu – “iman”,

Yang mententeramkan hati itu – “teman sejati”,

Yang ditunggu Allah SWT itu – “taubat”.

Renungkan, fikirkan, moga hidup kita penuh keberkatan dan kerahmatan.
Insyallah.

Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Sekian, terima kasih.



BIBLIOGRAFI

1. Mohd Harun Abdullah. (2012). Amanat sulung Naib Canselor ke-IV UMS: Bersama menjana kecemerlangan: Satu arah satu tujuan. Kota Kinabalu: Bahagian Perhubungan Korporat, Universiti Malaysia Sabah.
2. Zaini Ujang. (2012). Akademia baru: Memartabat UTM berjenama global 2012-2020. Skudai, Johor Bahru: Penerbit UTM.
3. Pelan tindakan EcoCampus 2013-2017. (2013). Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.
4. Muhammad Ahmad Abdul Jawwad. (2004). Pengurusan yang efektif dalam pentadbiran dan pendidikan. Penterjemah, Noor Hazanuddin Lc. Kuala Lumpur: Jasmin Enterprise.
5. Mohd Harun Abdullah. (2015). Sebuah perjalanan dari desa ke puncak menara gading. Kota Kinabalu: Penerbit Universiti Malaysia Sabah.
6. UMS EcoCampus Plan 2015-2020. (2016). Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.